

Kesediaan Guru Sejarah Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Dalam Menerapkan Kemahiran Kronologi Di Sekolah Rendah

(The Readiness Of History Teacher Towards I-Think Map Usage in Application Of Chronological Thinking Skill in Primary School)

Sivapriya Gopi^{1*}, Anuar Ahmad¹, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: sivapriyagopi95@gmail.com

Received: 20 December 2023 | Accepted: 10 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.14>

Abstrak: Pendidikan Sejarah diperkenalkan di sekolah rendah untuk menerapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pemikiran Sejarah dalam kalangan murid. Kemahiran kronologi adalah salah satu elemen yang terkandung di dalam KPS. Dalam usaha untuk menerapkan kemahiran kronologi dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, penggunaan peta pemikiran I-Think adalah satu teknik pengajaran abad ke-21 yang memberi keberkesanan dalam PdP. Oleh demikian, satu penelitian perlu dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah. Seramai 100 orang guru sekolah rendah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen bagi pengumpulan data kajian. Perisian Statistical Package Social Science versi 26 digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data. Data dianalisis melalui dua jenis kaedah iaitu analisis deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan tahap kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dan tahap kesediaan guru Sejarah dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah. Manakala, analisis inferensi pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dengan penerapan kemahiran kronologi di sekolah rendah. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think berada pada tahap tinggi dan kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dalam menerapkan kemahiran kronologi menunjukkan tahap sederhana tinggi. Hasil kajian juga mendapati kesediaan guru Sejarah dalam penggunaan peta pemikiran I-Think mempunyai hubungan linear dan positif terhadap penerapan kemahiran kronologi di sekolah rendah.

Kata Kunci: Kesediaan guru, Sejarah, peta pemikiran I-Think, kemahiran kronologi

Abstract: History Education was introduced in primary schools to apply knowledge and historical thinking skills among students. Chronological thinking skills are one of the elements contained in. In an effort to apply chronological skills in the teaching and learning of History, the use of I-Think mind map is a 21st century teaching technique that is effective in. Therefore, a research needs to be carried out in order to identify the readiness of History teachers towards the use of I-Think mind map in applying chronological thinking skills in primary schools. A total of 100 primary school teachers were randomly selected as respondents for this study. A questionnaire was used as an instrument for the collection of data. Statistical Package Social Science software version 26 was used in this study to analyse the data. The data is analysed

through two types of methods, namely descriptive analysis which aims to obtain the level of teacher readiness towards using the I-Think mind map and the level of readiness of History teachers in applying chronological thinking skills in primary schools. Meanwhile, inferential analysis was used to analyse the relationship between history teacher's readiness to use I-Think mind map and the application of chronological thinking skills in primary schools. The results of the study found that the level of readiness of History teachers towards the use of I-Think mind map is at a high level and the readiness of History teachers towards the use of I-Think mind map in applying chronological thinking skills shows a moderate level. The results of the study also found that History teacher's readiness to use I-Think mind map has a linear and positive relationship with the application of chronological skills in primary schools.

Keywords: Teacher's readiness, History, I-Think mind map, chronological thinking skills

1. Pendahuluan

Dalam era moden ini, pendidikan Sejarah bukan hanya untuk mempelajari tentang peristiwa-peristiwa sejarah. Pendidikan Sejarah juga memberikan ruang kepada murid untuk berfikir sebab dan akibat peristiwa penting secara kronologi (Johansson, 2017). Objektif utama pendidikan sejarah adalah untuk membentuk murid berupaya berfikir secara kritis dan kreatif (Vella, 2020). Jika dilihat, di negara Eropah seperti United Kingdom, kurikulum Sejarah di sekolah rendah mengaitkan dengan sejarah lalu dan kini untuk mencetuskan pemikiran Sejarah secara kritis untuk mengenali identiti masyarakat Britain dari segi politik, sosial, budaya dan ekonomi (Traille, 2016). Objektif Pemikiran Sejarah adalah membentuk kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif (Martin, 2018). Kemahiran berfikir merujuk kepada proses menggunakan minda sama ada untuk mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta terhadap sesuatu tajuk yang dipelajari (Zahara, 2010). Secara tidak langsung kemahiran berfikir dapat membantu murid untuk mempelajari topik-topik Sejarah untuk mengaitkan hubungan antara peristiwa yang berlaku pada masa lalu dengan kini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk memupuk kemahiran berfikir dalam pendidikan Sejarah dengan memurnikan lagi sukatan pelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Perkara yang ditekankan dalam KSSR adalah penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam setiap tajuk Sejarah. Salah satu elemen yang ditekankan dalam KPS adalah kemahiran kronologi. Melalui kemahiran kronologi murid dapat meningkatkan proses kemahiran berfikir murid seperti membentuk konsep, prinsip, kefahaman, penyelesaian masalah, membuat keputusan, penyiasaan dan perkaitan tentang pada masa lalu dan kini (Nurhijrah et al., 2018).

KPM telah memperkenalkan kemahiran berfikir sebagai aspirasi murid yang kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam meningkatkan kemahiran berfikir murid maka KPM bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah memperkenalkan program *I-Think* melalui pembelajaran abad ke-21 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Program *I-Think* bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Semua guru telah dilatih untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menggunakan peta pemikiran *I-Think*. Peta pemikiran *I-Think* digunakan untuk mencatat isi utamanya dan menjadi pecahan kepada isi penting yang lain. Isi utama boleh diluaskan sehingga menjadi nota atau ranting pecahan kecil agar menjadi lebih mudah untuk difahami dan diingati (Hyerle, 2010). Penggunaan pelbagai bentuk peta

pemikiran *I-Think* juga dapat melahirkan murid yang berfikiran kritis (Abdul Rahim Saad, 2015).

Dalam proses PdP, aplikasi peta pemikiran *I-Think* dikategorikan sebagai satu pendekatan bagi murid untuk membuat perkaitan antara topik yang telah dipelajari (Paul et al., 2010). Corak pembelajaran dengan menggunakan pendekatan seperti peta pemikiran *I-Think* memudahkan murid untuk memahami fakta Sejarah secara kronologi. Bagi menjayakan PdP Sejarah yang efektif, maka guru sebagai agen perubahan perlu bersedia dari sikap, kemahiran dan pengetahuan terhadap penggunaan pendekatan seperti peta pemikiran *I-Think* untuk membantu murid memahami kronologi fakta Sejarah dalam sesebuah topik yang diajar (Zakaria et al., 2018).

2. Penyataan Masalah

Matlamat KSSR Sejarah yang digariskan dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran adalah untuk membentuk murid mempunyai pengetahuan sejarah, memahami perkembangan sejarah negara dan memiliki kesedaran Sejarah serta meningkatkan semangat cinta akan negara. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, kesediaan guru dalam menjalankan PdP merupakan faktor penting dalam pendidikan Sejarah. Kandungan mata pelajaran Sejarah yang padat dengan fakta seperti peristiwa, tarikh dan tokoh menyebabkan murid kurang berminat dan memberikan fokus dalam PdP. Malah, mereka didedahkan dengan kaedah PdP ulangan dan hafalan tanpa memahami isi kandungan yang dipelajari (Hartini, 2006). Penyataan ini juga disokong dalam kajian Anuar (2009) iaitu perbincangan tentang penekanan interaksi sehalu dan teknik hafalan menjadi punca murid tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah, malah tidak dapat memahami kandungan yang dipelajari. Murid tidak dapat meningkatkan kemahiran berfikir apabila proses pengajaran dan pembelajaran lebih kepada hafalan dan menulis nota yang panjang (Endacott, 2010).

Aplikasi kaedah ataupun pendekatan yang kurang berkesan menyebabkan guru gagal mencerna minda murid untuk berfikir kritis serta menghasilkan idea-idea baru. Walaupun program *I-Think* diperkenalkan pada tahun 2013, namun pelaksanaan peta pemikiran *I-Think* dalam kalangan guru masih berada pada tahap sederhana tinggi (Zamri, 2018). Tahap kesediaan guru yang sederhana mempengaruhi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak efektif (Fauziah et al., 2018). Kelemahan dalam memilih kaedah pengajaran yang bertepatan menyebabkan PdP Sejarah tidak menarik dan membosankan. Murid mempelajari Sejarah dengan cara hafalan dan menulis nota panjang (Lisa et al., 2014).

Kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang kurang merupakan antara isu kepada kejayaan pembelajaran Sejarah. Dilaporkan kesediaan guru yang tidak mencukupi menjadi halangan kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran pemikiran Sejarah dengan baik (Johansson, 2017; Langan, 2015). Selain itu, guru juga didapati lebih selesa melaksanakan kaedah pengajaran secara tradisional dan berpusatkan guru (Eraso et al., 2017). Hal ini menyebabkan pemikiran murid terbatas akibat mereka kurang diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran berfikir. Perkara ini berlaku apabila guru beranggapan murid kurang mempunyai kemahiran berfikir untuk mentafsir dan menganalisa kronologi fakta sejarah (Mahzan, 2016).

Penerapan kemahiran kronologi dalam proses PdP Sejarah dilaporkan masih berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru (Kaviza, 2018; Yazid Khalil, 2019). Berikutan itu, terdapat satu keperluan untuk pengkaji menjalankan kajian. Tiga objektif kajian telah dibina iaitu:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan guru sejarah dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* di sekolah rendah, 2. Mengenal pasti tahap kesediaan guru sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah dan 3. Mengenal pasti hubungan antara kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi di sekolah rendah di sekolah rendah.

3. Kajian Literatur

Kesediaan guru

Kesediaan didefinisikan sebagai situasi ataupun keadaan yang menunjukkan seseorang telah bersedia untuk menjalankan sesuatu (Gill et al., 2015). Kesediaan guru adalah gabungan daripada tiga aspek utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu ada pada seseorang untuk melaksanakan tugas dengan sempurna (Zainuddin, 2019). Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru dilihat dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diutamakan dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi bagi mata pelajaran Sejarah. Kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* menjadi teras utama dalam kajian ini. Guru yang mempunyai kesediaan yang tinggi akan lebih berkeyakinan dan cenderung untuk melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan (Boset dan Asmavi, 2020).

i. Pengetahuan

Pengetahuan guru adalah penguasaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru tentang pendidikan seperti pendekatan dan pedagogi (Zainuddin, 2019). Satu kajian tentang kompetensi Profesional guru Sejarah di Sekolah Menengah di Malaysia membuktikan bahawa pengetahuan guru tentang penggunaan peta *I-Think* dalam menerapkan kemahiran pemikiran Sejarah berada pada tahap yang sederhana (min=3.60 dan sp= 0.449) (Fauzi, 2017). Hasil kajian ini juga membincangkan tentang tahap pengetahuan guru-guru Sejarah berada pada tahap sederhana dalam pengaplikasian kemahiran pemikiran Sejarah.

ii. Sikap

Sikap didefinisikan sebagai kecenderungan untuk bertindak terhadap sesuatu yang disukai ataupun bertindak balas terhadap sesuatu yang tidak disukai (Eagly et al., 1993). Sikap guru merujuk kepada pembentukan sikap yang positif (Ramlah et al. 2015). Guru dapat hasil daripada pelaksanaan PdP. Perkara ini berkait rapat dengan sebuah dapatan kajian kesediaan guru Sejarah dalam menggunakan bahan bantu mengajar. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa kesediaan guru berada pada tahap sederhana dari sikap dalam pelaksanaan PdP dengan menggunakan bahan bantu mengajar (Isa Aziz, 2017). Maka, sikap guru memainkan peranan penting dalam penggunaan bahan bantu mengajar seperti peta pemikiran *I-Think*.

iii. Kemahiran

Kemahiran dari segi pengajaran guru adalah komponen penting yang harus diamalkan oleh setiap guru (Dunkin, 2009). Kenyataan ini selaras dengan satu dapatan kajian Anuar et al. (2019). Hasil kajiannya menunjukkan kemahiran mengajar Sejarah merupakan aspek yang paling penting kepada pencapaian murid bagi mata pelajaran Sejarah. Kajian mereka mendapati cara menyampaikan ilmu Sejarah akan menyumbang kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan membentuk murid yang berkeseluruhan dengan menggunakan teknik mengajar yang sesuai (Kamarul Azmi et al., 2017). Maka kajian ini mengenal pasti sama ada kesediaan kemahiran guru mempengaruhi dalam

penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi bagi mata pelajaran Sejarah.

Penggunaan Peta Pemikiran *I-Think*

Peta pemikiran diperkenalkan melalui Program *I-Think* untuk meningkatkan kemahiran berfikir oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2013. Peta pemikiran *I-Think* digunakan sebagai alat mengajar bagi membantu murid dalam membudayakan kemahiran berfikir mengenai sesuatu tajuk yang dipelajari (Khalidah, 2018). Kajian lepas menunjukkan penggunaan peta pemikiran *I-Think* dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalam penulisan kronologi novel dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Ahmad Fikri et al., 2019).

Manakala, kajian lain yang bertajuk pelaksanaan peta pemikiran *I-Think* dalam kalangan murid, didapati murid mampu menjana imaginasi dan kreativiti serta meningkatkan kemahiran berfikir dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris (Selvarajsingam et al., 2021). Peningkatan markah yang berlaku menunjukkan bahawa penggunaan *I-Think* merupakan kaedah yang amat sesuai untuk menggunakan dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pengajaran guru dengan menggunakan kaedah penggunaan peta pemikiran *I-Think* memberikan kesan baik terhadap pencapaian murid. Justeru, guru Sejarah juga boleh menggunakan kaedah penggunaan Peta pemikiran *I-Think* untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid melalui kemahiran kronologi Sejarah.

Kajian lepas tentang penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam mata pelajaran Sejarah menunjukkan pencapaian murid bergantung kepada kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran (Sirajuddin, 2019). Guru yang bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dapat meningkatkan pencapaian murid. Dapatan kajian tentang penggunaan peta pemikiran *I-Think* menunjukkan keberkesanan dalam pencapaian murid iaitu meningkatkan penguasaan konsep dan fakta Sejarah (Pusparani & Anuar, 2021). Manakala, kajian Halina (2021) pula menunjukkan bahawa pencapaian mata pelajaran berada pada tahap sederhana tinggi. Kajiannya didapati bahawa kesediaan yang dimiliki oleh guru amat mempengaruhi pencapaian murid. Misalnya, guru yang mahir menggunakan kaedah yang sesuai akan dapat membantu murid menguasai tajuk yang diajar dengan lebih berkesan (Anuar et al., 2019).

Kemahiran Kronologi

Peranan mata pelajaran Sejarah merupakan satu pembentukan generasi muda dalam sesebuah negara. Mata pelajaran ini menekankan kemahiran berfikir untuk mencorakkan Sejarah ke arah pemikiran Sejarah (Abdul Razaq, 2017). Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) adalah proses berfikir analitikal, kritis dan kreatif yang dapat membantu murid untuk memahami serta menghubungkan peristiwa yang berlaku pada masa dahulu dan kini sebagai persediaan pada masa akan datang (Renuka et al., 2021). Kemahiran kronologi adalah salah satu elemen yang terkandung di dalam KPS (Anuar, 2017). Selanjutnya, kronologi merujuk kepada proses menyusun urutan kejadian atau tindakan bersejarah secara teratur. Kemahiran ini membantu murid memahami sesuatu peristiwa secara komprehensif (Peter, 2010).

Namun demikian, kajian lepas menunjukkan aplikasi kemahiran kronologi dalam kalangan guru dilihat masih berada pada tahap yang sederhana. (Renuka et al., 2019). Manakala, kajian Fauzi (2017), membincangkan kompetensi guru-guru Sejarah sekolah menengah di Malaysia. Dapatan kajiannya menunjukkan pengetahuan guru tentang aplikasi kemahiran kronologi dalam PdP berada pada tahap yang sederhana (min = 3.60 dan sp = 0.449). Kajian lepas seperti Kavizha (2018), Muhamad Yazid (2018), dan Omardin (2017) menunjukkan aplikasi kemahiran kronologi dalam kalangan guru berada pada tahap sederhana. Guru Sejarah hanya

berfokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan menghadkan proses pengajaran secara penerokaan tentang kebenaran sejarah masa lalu secara kritis. Penerapan kemahiran kronologi yang berkesan tidak dapat dijalankan jika guru-guru Sejarah hanya bergantung kepada kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan berbentuk hafalan (Kavizha, 2018). Berdasarkan kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa faktor kesediaan guru dari segi pengetahuan dan kemahiran yang tidak mencukupi menjadi halangan kepada pelaksanaan kemahiran kronologi dalam PdP Sejarah.

4. Metodologi

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah kuantitatif yang melibatkan populasi seramai 250 orang guru di sekolah rendah. Manakala, penentuan saiz sampel hanya melibatkan 100 orang guru Sejarah. Pengkaji telah menggunakan soal selidik untuk menjawab persoalan kajian. Borang soal selidik ini telah diubahsuai dan disahkan bagi mendapatkan data kajian. Item soal selidik ini telah disesuaikan dengan objektif kajian ini. Skala Likert Lima Mata telah digunakan dalam soal selidik.

Terdapat tiga bahagian dalam pembinaan item. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden seperti jantina, pengalaman mengajar dan opsyen. Bahagian B adalah tentang kesediaan guru terhadap penggunaan peta Pemikiran *I-Think*. Bahagian ini mengandungi 24 soalan untuk mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran. Instrumen ini diadaptasi dan diubahsuai dari kajian Renuka et al. (2012); Baharuddin (2006). Terdapat sembilan item untuk menganalisis pengetahuan guru, lima item untuk menganalisis sikap guru dan sembilan item menganalisis dari aspek kemahiran guru. Bahagian C pula mengukur mengenai penerapan kemahiran kronologi dengan menggunakan peta pemikiran *I-Think* oleh guru Sejarah. Terdapat lapan item dibina untuk menganalisis penerapan kemahiran kronologi dengan menggunakan peta pemikiran *I-Think*.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan dan Kesahan

Item	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha	Nilai Kesahan
Pengetahuan Guru dalam penggunaan peta pemikiran <i>I-Think</i>	9	0.951	0.663
Sikap Guru penggunaan peta pemikiran <i>I-Think</i>	5	0.937	0.692
Kemahiran Guru penggunaan peta pemikiran <i>I-Think</i>	9	0.932	0.775
Penerapan Kemahiran Kronologi dengan menggunakan peta pemikiran <i>I-Think</i> oleh guru Sejarah	8	0.960	0.783

Pembetulan dan penambahbaikan telah dibuat untuk meningkatkan kesahihan item soal selidik sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan. Nilai kebolehpercayaan dan kesahan diperoleh bagi setiap item konstruk daripada ujian alfa Cronbach dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 26 seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Nilai keseluruhan Cronbach Alpha bagi instrumen soal selidik adalah 0.955. Menurut Bond & Fox (2015) nilai Cronbach Alpha yang menunjukkan nilai 0.8 dan ke atas, adalah instrumen sangat baik dan boleh diterima.

Seterusnya, statistik deskriptif skor min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Penilaian skor min bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* adalah menggunakan skala seperti Jadual 2.

Jadual 2 : interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber :Pallant (2007)

Manakala, ujian korelasi Pearson digunakan sebagai statistik inferensi untuk mengkaji hubungan antara kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dengan kemahiran kronologi. Anggaran kekuatan dan huraian terhadap nilai pekali korelasi diperoleh dibuat merujuk kepada tafsiran Jadual 3 yang berdasarkan kepada Hamidah et al. (2016)

Jadual 3: Kekuatan Hubungan Antara Pemboleh Ubah

Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.00 – 0.20	Boleh diabaikan
0.20 – 0.40	Rendah
0.40 – 0.60	Sederhana
0.60 – 0.80	Tinggi
0.80 – 1.00	Sangat Tinggi

Sumber: Hamidah et al., 2016.

5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan tentang tahap kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Dapatan ini melaporkan maklum balas yang diperoleh daripada 100 responden.

a) Objektif Kajian 1: Mengenal pasti tahap kesediaan guru sejarah dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* di sekolah rendah

Jadual 4, menunjukkan dapatan untuk objektif pertama. Dari data tersebut, didapati tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* berada pada tinggi iaitu min 4.37 dan sisihan piawai .554. Dapatan ini menunjukkan, guru-guru Sejarah memang mempunyai pengetahuan dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Sejarah. Setiap pernyataan dalam jadual juga menunjukkan peratus persetujuan responden untuk setiap item cenderung kepada setuju dan sangat setuju. Sebagai contohnya, bagi item *BI'Saya tahu menggunakan peta pemikiran I-Think* mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 97% (peratus setuju = 58.0% dan peratus sangat setuju = 39.0). Melalui dapatan ini, responden sememangnya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think*. Namun, dapatan ini bertentangan dengan kajian Fauzi (2017) dari segi tahap pengetahuan dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Dapatan kajiannya menggambarkan tahap pengetahuan guru dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* berada pada tahap sederhana iaitu min =3.60 dan sp= 0.449. Melalui dapatan kajiannya, dapat merumuskan bahawa guru kurang menggunakan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Sejarah.

Jadual 4: Taburan peratusan dan kekerapan bagi tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* di sekolah rendah

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)
B1	Saya tahu menggunakan peta pemikiran <i>I-Think</i>	1.0	0.0	2.0	58.0	39.0
		(1)	(0)	(2)	(58)	(39)
B2	Saya tahu peta pemikiran <i>I-Think</i> membantu menjadikan pengajaran lebih kreatif dan menarik minat murid	1.0	1.0	2.0	57.0	39.0
		(1)	(1)	(2)	(57)	(39)
B3	Saya memperoleh bahan bantu mengajar tambahan melalui peta pemikiran <i>I-Think</i>	1.0	0.0	5.0	57.0	37.0
		(1)	(0)	(5)	(57)	(37)
B4	Saya percaya peta pemikiran <i>I-Think</i> boleh membantu meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam pendidikan sejarah	2.0	0.0	3.0	47.0	48.0
		(2)	(0)	(3)	(47)	(48)
B5	Saya mengetahui penggunaan peta pemikiran <i>I-Think</i>	1.0	0.0	2.0	51.0	46.0
		(1)	(0)	(2)	(51)	(46)
B6	Menggunakan peta <i>I-Think</i> dalam pengajaran sejarah boleh memberi kesan baik kepada murid jika digunakan secara bijak dan kreatif.	1.0	0.0	5.0	43.0	51.0
		(1)	(0)	(5)	(43)	(51)
B7	peta pemikiran <i>I-Think</i> dapat menjalankan PdP sejarah dengan lebih menarik	1.0	0.0	5.0	48.0	46.0
		(1)	(0)	(5)	(48)	(46)
B8	Pengajaran menggunakan peta pemikiran <i>I-Think</i> akan menjimatkan masa dan efektif	1.0	0.0	3.0	47.0	49.0
		(1)	(0)	(3)	(47)	(49)
B9	Saya mengetahui cara mengendalikan kelas menggunakan peta pemikiran <i>I-Think</i>	1.0	0.0	2.0	54.0	43.0
		(1)	(0)	(2)	(54)	(43)
Purata Min				4.37		
Purata Sisihan Piawai				.554		
Tahap Interpretasi				Tinggi		

Jadual 5 menunjukkan dapatan untuk objektif kajian pertama juga iaitu tahap kesediaan guru dari aspek sikap terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Hasil kajian menjelaskan bahawa tahap sikap guru dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* berada di tahap tinggi. Skor min dan sisihan piawai menunjukkan 4.17 dan .599. Dapatan ini menjelaskan, maklum balas responden memberikan impak positif terhadap sikap guru dalam penggunaan peta pemikiran bagi mata pelajaran Sejarah. Perkara ini boleh dilihat dalam item B10 ‘*Saya seronok menggunakan peta pemikiran I-Think dalam PdP Sejarah*’ dengan menunjukkan peratus setuju sebanyak 76.0% (76) dan sangat setuju sebanyak 18.0% (18).

Ini bermakna, responden berasa seronok untuk menggunakan peta pemikiran *I-Think* kerana dapat menjalankan PdP dengan menarik. Penyataan ini dapat dilihat dalam peratusan persetujuan bagi item B11 ‘*Saya percaya peta pemikiran I-Think menjadikan subjek Sejarah lebih menarik*’ sebanyak 67.0% (67). Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Zarina (2021) sikap guru sekolah rendah dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Dapatan kajian Zarina menjelaskan bahawa penggunaan peta pemikiran *I-Think* dapat membawa perubahan emosi yang lebih seronok dan menarik dalam kalangan guru apabila menjalankan PdP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Penyataan ini juga selari dengan kajian Sirajuddin (2022). Kajian ini menunjukkan penggunaan peta pemikiran *I-Think* dapat menarik minat murid melalui hasil temu bual responden.

Jadual 5: Taburan peratusan dan kekerapan bagi tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* di sekolah rendah

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)
B10	Saya seronok menggunakan peta pemikiran <i>I-Think</i> dalam PdP Sejarah	1.0 (1)	10 (1)	4.0 (4)	76.0 (76)	18.0 (18)
B11	Saya percaya peta pemikiran <i>I-Think</i> menjadikan subjek sejarah lebih menarik	1.0 (1)	2.0 (2)	4.0 (4)	67.0 (67)	26.0 (26)
B12	Saya menggunakan pelbagai jenis peta pemikiran <i>I-Think</i> untuk PdP Sejarah.	1.0 (1)	1.0 (1)	7.0 (7)	60.0 (60)	31.0 (31)
B13	Saya percaya peta pemikiran <i>I-Think</i> dapat meningkatkan amalan pengajaran	1.0 (1)	1.0 (1)	6.0 (6)	60.0 (60)	32.0 (32)
B14	Saya percaya peta pemikiran <i>I-Think</i> membantu murid fokus dalam pembelajaran sejarah	1.0 (1)	2.0 (2)	4.0 (4)	58.0 (58)	35.0 (35)
Purata Min				4.17		
Purata Sisihan Piawai				.599		
Tahap Interpretasi				Tinggi		

Jadual 6, menunjukkan dapatan kajian bagi objektif pertama. Dapatan ini merupakan untuk mengenal pasti kesediaan guru dari aspek kemahiran dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Hasil kajian ini menggambarkan kesediaan guru dari aspek kemahiran dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* adalah berada pada tahap tinggi iaitu purata min 4.10 dan sisihan piawai .555. Ini bermaksud menurut persepsi responden, guru-guru Sejarah memang mahir menggunakan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Sejarah. Data untuk setiap pernyataan dalam Jadual 7 menunjukkan peratus persetujuan responden untuk setiap item cenderung kepada skala setuju dan sangat setuju. Sebagai contohnya, bagi item B19 ‘*Saya tahu cara-cara pelaksanaan Peta Pemikiran I-Think*’ menunjukkan peratus persetujuan responden sebanyak 72% (72) dan sangat setuju sebanyak 21% (21). Melalui dapatan ini, responden amat bersetuju bahawa guru Sejarah mengetahui cara-cara pelaksanaan Peta pemikiran *I-Think* dalam PdP. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Zarina (2021) dari segi tahap kemahiran guru menggunakan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Bahasa Melayu. Dapatan kajian Zarina mendapati guru-guru mempunyai cara tersendiri dalam mengaplikasi peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Bahasa Melayu (Zarina, 2021). Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa guru-guru mempunyai cara mereka tersendiri dalam melaksanakan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP masing-masing.

Semua item menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi kecuali satu item didapati berada pada tahap yang terendah dalam skala persetujuan. Dapatan kajian ini juga memaparkan peratus kurang setuju bagi item B18 iaitu ‘*Saya tahu teori-teori berkaitan Peta pemikiran I-Think*’. Seramai 41 responden kurang setuju bagi pernyataan ini. Manakala, dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Rozelizam (2020) mengenai kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan majoriti guru tidak mengetahui teori-teori berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Tahap kemahiran guru bagi pernyataan ini berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.48. Faktor ini selari dengan hasil kajian Salina (2017) iaitu penguasaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* masih berada pada tahap sederhana (min 3.56) kerana guru kurang mahir menggunakan peta pemikiran *I-Think* mengikut tahap kognitif murid di dalam PdP. Isu ini berlaku apabila guru kurang memahami tentang teori-teori yang berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Sebagai contohnya, teori konstruktivisme membantu guru untuk menggunakan peta pemikiran *I-Think* mengikut aras kognitif murid dalam sesi PdP. Guru mesti merancang PdP dengan mengikut aras kognitif

murid(Azilili, 2016). Perkara ini menjadi halangan kepada guru dalam melaksanakan PdP dengan menggunakan peta pemikiran I-Think mengikut tahap kognitif murid apabila guru kurang mahir tentang teori-teori penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Oleh itu, guru harus mempunyai kemahiran yang terperinci mengenai penggunaan peta pemikiran I-Think dalam PdP (Layang et al., 2019).

Jadual 6: Taburan peratusan dan kekerapan bagi tahap kemahiran guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* di sekolah rendah

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)
B15	Saya tahu definisi Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	0.0 (0)	25.0 (25)	59.0 (59)	15.0 (15)
B16	Saya tahu ciri-ciri penggunaan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	3.0 (3)	20.0 (20)	60.0 (60)	16.0 (16)
B17	Saya tahu objektif Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	5.0 (5)	24.0 (24)	55.0 (55)	15.0 (15)
B18	Saya tahu teori-teori berkaitan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	3.0 (3)	8.0 (8)	41.0 (41)	36.0 (36)	12.0 (12)
B19	Saya tahu cara-cara pelaksanaan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	2.0 (2)	4.0 (4)	72.0 (72)	21.0 (21)
B20	Saya tahu kepentingan melaksanakan PdP dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	2.0 (2)	6.0 (6)	0.0 (0)	61.0 (61)	31.0 (31)
B21	Saya dapat mengaplikasi Peta Pemikiran <i>I-Think</i> sebagai alat pembelajaran	0.0 (0)	1.0 (1)	4.0 (4)	59.0 (59)	36.0 (36)
B22	Saya dapat merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	0.0 (0)	1.0 (1)	10.0 (10)	49.0 (49)	40.0 (40)
B23	Saya tahu peranan guru dalam penggunaan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	3.0 (3)	5.0 (5)	43.0 (43)	48.0 (48)
Purata Min		4.10				
Purata Sisihan Piawai		.555				
Tahap Interpretasi		Tinggi				

b) Objektif Kajian 2: Mengenal pasti tahap kesediaan guru sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah

Jadual 7 memaparkan dapatan untuk objektif kajian kedua. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan guru sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.34 dan sisihan piawai .964). Ini menggambarkan persepsi responden iaitu guru-guru Sejarah kurang menerapkan kemahiran kronologi semasa menggunakan peta pemikiran *I-Think* sebagai alat membantu mengajar dalam PdP.

Walaupun, dapatan untuk objektif pertama iaitu tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, sikap, kemahiran terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* berada pada tahap tinggi, namun

guru-guru kurang mengaplikasikan kemahiran kronologi melalui peta pemikiran *I-Think* dalam PdP Sejarah. Perkara ini boleh dilihat dalam item B28 ‘*Saya mengajar fakta Sejarah berdasarkan kronologi dengan lebih sistematik dan tersusun apabila menggunakan peta pemikiran I-Think*’ peratus sebanyak 36.0% (36) telah menjawab ‘kadang-kadang’ dan 24.0% (24) menjawab ‘kerap’. ini bermakna guru Sejarah kurang menerapkan kemahiran kronologi apabila mengajar sesuatu fakta Sejarah apabila menggunakan peta pemikiran *I-Think*. Dapatan ini selari dengan kajian Baharuddin (2018) mengenai pelaksanaan kemahiran pemikiran Sejarah. Dapatan ini menyatakan bahawa pengaplikasian kemahiran kronologi dalam PdP Sejarah berada pada tahap yang sederhana rendah iaitu min 2.91 dan sisihan piawai .358.

Data untuk beberapa item dalam Jadual 8 juga menunjukkan peratus persetujuan responden cenderung kepada skala kerap dan sangat kerap. Sebagai contohnya, untuk item B24 ‘*Saya dapat mengajar peristiwa-peristiwa Sejarah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku dengan menggunakan peta pemikiran I-Think*’ dengan peratus persetujuan sebanyak 47.0% (47) telah menjawab ‘kerap’ dan 12.0% (12) menjawab ‘sangat kerap’. Hasil ini menunjukkan bahawa guru Sejarah menggunakan peta pemikiran *I-Think* dalam menyampaikan pengajaran tentang peristiwa Sejarah mengikut kronologi. Namun, dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Fauzi (2017) mengenai kesediaan guru Menengah dalam menerapkan kemahiran kronologi. Hasil kajian ini didapati tahap kesediaan guru berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.60 dan sisihan piawai 0.449). Perkara ini menjadi penyebab kepada kekurangan penerapan kemahiran pemikiran Sejarah dalam PdP dalam kalangan guru Sejarah (Norlaila, 2016).

Jadual 7: Taburan peratusan dan kekerapan bagi kesediaan guru terhadap pnggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah

Item	Konstruk	STK	TK	KK	K	SK
		% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)	% (Bil)
B24	Saya dapat mengajar peristiwa-peristiwa sejarah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	15.0 (15)	5.0 (25)	47.0 (47)	12.0 (12)
B25	Saya menggunakan istilah-istilah seperti awal, pertengahan dan akhir untuk merujuk sesuatu tempoh masa, contoh awal abad ke-20 dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	2.0 (2)	14.0 (14)	29.0 (29)	40.0 (40)	15.0 (15)
B26	Saya dapat menyatakan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	1.0 (1)	18.0 (18)	22.0 (22)	44.0 (55)	15.0 (15)
B27	Saya menyatakan tempoh masa berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	3.0 (3)	18.0 (18)	21.0 (21)	44.0 (44)	14.0 (14)
B28	Saya mengajar fakta sejarah berdasarkan kronologi dengan lebih sistematik dan tersusun apabila menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	8.0 (8)	36.0 (36)	18.0 (18)	24.0 (24)	14.0 (14)
B29	Saya dapat mengaitkan hubungan antara tahun dengan abad di mana peristiwa itu berlaku dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	9.0 (9)	25.0 (25)	20.0 (20)	36.0 (36)	10.0 (10)
B30	Saya dapat membuat perhubungan antara dua kronologi peristiwa sejarah dengan lebih tersusun dan mengaitkannya dengan satu peristiwa yang sama dengan menggunakan Peta Pemikiran <i>I-Think</i>	9.0 (9)	24.0 (24)	26.0 (26)	27.0 (27)	14.0 (14)
B31	Penggunaan Peta pemikiran <i>I-Think</i> dapat menggambarkan perkaitan di antara konsep penting dalam sesuatu Tajuk Sejarah	7.0 (7)	28.0 (28)	20.0 (20)	30.0 (30)	15.0 (15)
Purata Min Purata Sisihan Piawai Tahap Interpretasi		3.34 .964 Sederhana Tinggi				

c) Objektif Kajian 3: Mengenal pasti hubungan antara kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi di sekolah rendah

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisis pekali korelasi Pearson. Dapatan ini memaparkan wujud hubungan korelasi antara kesediaan guru sejarah dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi. Kesediaan guru sejarah dilihat dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think*. Setiap dimensi persediaan guru mempunyai tahap kekuatan hubungan yang berbeza dengan komponen penerapan kemahiran kronologi dan hubungan yang wujud adalah hubungan signifikan yang positif pada aras signifikan $p < 0.01$.

Menurut data yang ditunjukkan dalam Jadual 9, terdapat hubungan yang menggalakkan dan ketara positif antara kesediaan guru sejarah dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi pada tahap keertian 0.01. Hubungan antara pengetahuan guru sejarah mengenai penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi menunjukkan hubungan yang positif pada aras signifikan $p < 0.01$ dengan nilai korelasi $r = .296$; hubungan antara sikap guru mengenai penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi menunjukkan hubungan yang positif pada aras signifikan $p < 0.01$ dengan nilai korelasi $r = .358$. Manakala, hubungan antara kemahiran kesediaan guru sejarah dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi menunjukkan hubungan yang positif pada aras signifikan $p < 0.01$ dengan nilai korelasi $r = .466$. Ini menjadikan ia amat jelas bahawa hubungan kesediaan guru sejarah dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dan penerapan kemahiran kronologi mempunyai kekuatan hubungan yang besar.

Daripada Jadual 8, didapati nilai korelasi bagi aspek kesediaan guru sejarah ialah dimensi pengetahuan ($r = .296, p < 0.01$), dimensi sikap ($r = .358, p < 0.01$) dan dimensi kemahiran ($r = .466, p < 0.01$). Nilai korelasi terletak di antara 0.10 hingga 0.59 yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dan positif dengan korelasi lemah. Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan kesediaan guru Sejarah dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi mempunyai hubungan linear dan positif dalam PdP Sejarah. Dapatan ini selaras dengan kajian Kavizha (2019) yang menunjukkan kesediaan guru dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* saling berkait rapat dengan penerapan kemahiran pemikiran Sejarah oleh guru Sejarah. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah penggunaan peta pemikiran *I-Think* memberikan ruang kepada guru untuk mereka bentuk bahan pengajaran Sejarah yang dapat menerapkan kemahiran kronologi dalam PdP Sejarah (Fauzi, 2017).

Jadual 8: Analisis korelasi *Pearson* hubungan antara kesediaan guru dalam penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kemahiran kronologi di sekolah rendah

	Pengetahuan	Sikap	Kemahiran
Kronologi	.296**	.358**	.466**

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

6. Kesimpulan

Penerapan kemahiran kronologi dalam proses PdP Sejarah dilaporkan masih berada pada tahap sederhana tinggi dalam kalangan guru. Secara amnya, matlamat utama kajian ini bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah rendah. Kajian ini juga menjelaskan bahawa penggunaan peta pemikiran *I-Think* memudahkan guru Sejarah untuk menerapkan kemahiran kronologi dalam PdP. Keputusan yang diperoleh hasil daripada kajian menerangkan bahawa

tahap kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran *I-Think* dalam menerapkan kemahiran kronologi mempunyai nilai interpretasi yang sederhana tinggi. Oleh itu, Guru Sejarah haruslah membuat penambahbaikan dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think* supaya dapat menerapkan kemahiran kronologi dalam pengajaran.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan hubungan antara kesediaan guru Sejarah dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think* dengan penerapan kronologi di sekolah rendah. Dalam konteks pengajaran Sejarah di Malaysia, penerapan kemahiran kronologi merupakan salah satu elemen dalam kemahiran pemikiran Sejarah yang penting dalam membentuk murid yang dapat meneroka idea secara kompleks dan abstrak untuk memahami aspek kehidupan manusia silam sehingga hari ini secara kritis dan imaginatif. Oleh itu, guru Sejarah perlulah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan kemahiran kronologi dengan menggunakan peta pemikiran *I-Think* bagi melaksanakan PdP secara mudah dan efektif.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian merumuskan bahawa guru bersedia dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam menggunakan peta pemikiran *I-Think*. Peta pemikiran *I-Think* merupakan salah satu alat pengajaran kepada guru Sejarah untuk mengaplikasikan kemahiran kronologi dalam PdP. Penggunaan peta pemikiran *I-Think* dapat memudahkan guru untuk menerapkan kemahiran kronologi dalam PdP Sejarah. Hasil kajian ini menyarankan untuk digunakan sebagai panduan kepada bakal pengkaji, guru Sejarah dan warga pendidik dalam usaha memupuk kemahiran pemikiran Sejarah dalam diri murid. Dengan limitasi kajian, ia hanya bertumpu kepada kemahiran kronologi sahaja. Pada masa akan datang, kajian ini diharap dapat membantu pengkaji berfokus kepada penggunaan peta pemikiran *I-Think* dengan menerapkan semua elemen yang terdapat dalam kemahiran pemikiran Sejarah.

Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad. (2014). Determination of teaching Aids and Methods to Inculcate Thinking Skills in History Subject. *International Journal for Historical Studi*, 6(1), 1-12.
- Ahmad Razaq Ahmad & Ahmad Razaqi Ayudin. (2011). History Curriculum Development Model Towards Nation Building of Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 12(1), 40-52.
- Ahmad, Anuar & Jingga, Nelson. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Anuar Ahmad., Siti Haishah Abd Rahman., & NurAtiqah T. Abdullah. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal PendidikanMalaysia*, 34(1), 53–66.
- Baharuddin, J. (2006). *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 22-251.
- Baharuddin Jabar, (2009). *Sikap, Pengetahuan, Kemahiran Pedagogi Dan Keperihatinan Guru Sejarah Terhadap Perubahan Kurikulum*. Tesis Ph.D, (Tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.
- Boset, S. A., & Asmawi, A. (2020). Mediating effect of work motivation on the relationship between competency and professional performance of EFL teachers. *Akademika*, 90(1), 63-75.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative*. NJ: Prentice Hall Upper Saddle River.

- Endacott, J. (2010). Reconsidering affective engagement in historical empathy. *Theory and Research in Social Education*, 38(1), 6-49.
- Fauziah Ahmad. 2018. *Teaching method used in the teaching of the literature component in secondary schools*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Getman-Eraso, J., & Culkin, K. (2017). Close Reading: Engaging and Empowering History Students through Document Analysis one-Portfolio. *International Journal of e-Portfolio*. 7(1), 29-42.
- Hamidah Yusuf, Nursalam & Mohd Asri. (2016). School culture and its relationship with teacher leadership. *International Journal of Academic Research and Sosial Sciences*, 6(11), 1-11.
- Hartini Husain. (2006). *Achievement and attitudes of students in teaching the subject through a computer*. (Unpublished Master Dissertation). University Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Hyerle, D. & Yeager, C. 2007. *Thinking Maps: A Language for Learning*. New Jersey: Thinking Maps, Inc.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM: Journal of Social Sciences*, 4(1), 40-47.
- Kaviza, M. (2019). Kesan Kaedah Document-Based Lesson Terhadap Penaakulan Sejarah Dalam Kalangan Murid Berbeza Tahap Pemikiran Kritis. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik-JuKu*. 7(2), 1-9.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Langan, E. (2015). Using Multiple-Perspective Primary Sources to Enhance Pre-service Teachers' Understandings. *Teacher Education and Practice*, 28(4), 617-626.
- Lisa Yip Shukye. (2014). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Murid-Murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 13, 37-49.
- Mansor, R., Nashrah, H., Norazilawati, & Azmah. (2015). Keberkesanan Penggunaan i-Think Terhadap Pencapaian Dan Minat Murid Dalam Tajuk Sifat Bahan, Sains Tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 25(6), 98-116.
- Martin, D. S. (2018). Restructuring teacher education programs for higher-order thinking skills. *Journal of Teacher Education*, 40(3), 2-8.
- Muhamad Yusof Muhamad Fauzi. (2019). Kesediaan guru terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dalam menerapkan kemahiran kronologi di sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1 (1) 27-34.
- Normah, Azita, Izeanty, & Suhaili. (2018). Aplikasi Peta Pemikiran i-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Advanced Center for Technical and Vocational Education (ACTiVE)*.
- Nurhijrah Zakaria (2017). *Elemen kompetensi pelbagai budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bagi guru Sejarah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual-A step by step guide to data analysis using SPSS for windows (3rd ed.)* Maidenhead: Open University Press.
- Pusparani, N., & Anuar, A. (2021). Tahap Keupayaan Pelajar Terhadap Menggunakan Sumber Digital Sejarah Dalam Pembelajaran Kendiri. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 236-242.

- Renuka, R., & Siti, H. A. (2014). Kesan penggunaan sumber sejarah digital terhadap kemahiran pemikiran sejarah. *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014)*, 23-32.
- Traille, K. (2016). “You should be proud about your history. They made me feel ashamed”: Teaching history hurts. *Teaching History*, 127, 31–37.
- Yosanne Vella. (2020). The gradual transformation of historical situations: understanding change and continuity through colour and timeliness. *Journal of Curriculum Studies*, 37(6), 697-707.
- Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail. (2010). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan* 32, 119-137.
- Zakaria, Nurhijrah & Puteh, Sharifah & Salleh, Amla. (2018). Pemupukan Kesepaduan Sosial Melalui Kurikulum Persekolahan di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1 (1) 29-38.